

Jemput Dr. M bukan keputusan bersama

KANGAR 30 Julai - Salah seorang Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Padang Besar menafikan dakwaan Ketua UMNO bahagian itu bahawa keputusan untuk memanggil bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian pada 26 Ogos ini adalah keputusan bersama jawatankuasa bahagian terlibat.

Ahli Jawatankuasa terlibat, Kassim Mat Isa mehdakwa, bukan semua Ahli Jawatankuasa Bahagian dan Ketua-Ketua UMNO Cawangan bersetuju dengan tindakan ketua mereka, Datuk Zahid Zainul Abidin menjemput Dr. Mahathir merasmikan mesyuarat bahagian.

"Setahu saya Jawatankuasa Bahagian dan Ketua-Ketua UMNO cawangan tidak pernah bersetuju untuk membawa Dr. Mahathir merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian kerana kami tidak mahu mengeruhkan keadaan dan kalau ada yang bersetuju pun ia tidak sampai 10 peratus," katanya ketika menghubungi pejabat *Utusan Malaysia* di sini hari ini,

Menurutnya, beliau terkejut dan kesal dengan kenyataan Zahidi terhadap amaran yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berhubung mesyuarat bahagian itu yang akan dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, adalah tidak adil sekiranya Ketua UMNO Bahagian Padang Besar itu melibatkan sama Ahli Jawatankuasa Bahagian dan Ketua-Ketua UMNO Cawangan dengan menyatakan keputusan memanggil Dr. Mahathir adalah keputusan bersama Jawatankuasa UMNO Bahagian.

"Ahli Jawatankuasa Bahagian rata-rata menghormati Dr. Mahathir dan berpendapat kini bukan masanya untuk beliau merasmikan mesyuarat bahagian kerana dikhuatiri ia mungkin dipergunakan oleh pihak tertentu untuk kepentingan politik mereka," ujarnya yang mendakwa sudah 15 tahun berada dalam Jawatankuasa UMNO Bahagian Padang Besar.

Malah Kassim berkata, Jawatankuasa UMNO Bahagian juga memahami tentang mereka yang layak untuk merasmikan mesyuarat bahagian iaitu hanya Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti, Menteri Besar, menteri Kabinet daripada UMNO serta Ketua Bahagian dibenar merasmikan mesyuarat bahagian pada tahun yang tiada pemilihan.